

# 16 penyelam bersih pukat

**Ekspedisi bantu pulihara ekosistem hidupan marin**

Seramai 16 penyelam menyertai Ghost Net Removal Expedition PPTD-DOFM sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Asas Tani Peringkat Negeri dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Taman Laut pada Sabtu lalu.

Acara pelepasan ekspedisi yang disertai penyelam dari Jabatan Taman Laut dan Persatuan Pegawai Tadbir Diplomatik (PPTD) itu disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan dan turut dihadiri Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi.

Ketua Ekspedisi dari Jabatan Laut Malaysia, Mazlan Wahab berkata, ekspedisi membersihkan pukat yang tersangkut pada batu karang itu dijalankan di kawasan Pulai Sepoi, kira-kira dua batu nautika dari Jeti Taman Laut.

Menurutnya, usaha pembersihan itu penting kerana pukat



Mohd Sallehuddin (belakang dari kiri) dan Munir (belakang, dua dari kiri) bergambar bersama peserta Ghost Net Removal Expedition PPTD-DOFM.

yang tersangkut pada terumbu karang boleh menjadikan terumbu karang dan ekosistem hidupan marin.

"Sisa pukat ini selalunya dari pada aktiviti nelayan yang memotong dan membiarkan ia hanyut sebelum tersangkut pada batu karang.

"Pukat ini boleh menjadi perangkap kepada hidupan laut, penyu misalnya yang boleh mengakibatkan haiwan itu ter-

sangkut dan mati," katanya.

Mazlan berkata, proses membuang pukat yang tersangkut agak sukar dan hanya boleh dilakukan oleh penyelam berpengalaman.

Sementara itu, Mohd Sallehuddin berkata, beliau menghargai usaha pelbagai pihak yang membantu pihak jabatan dengan mengadakan program pembersihan dasar laut dan pantai di kawasan taman laut.

Menurutnya, usaha itu boleh meningkatkan kesedaran semua pihak untuk sama-sama memainkan peranan dalam usaha memelihara dan memulihara hasil laut negara.

"Selain program pembersihan pukat yang tersangkut pada batu karang, aktiviti pembersihan kawasan pantai daripada sampah juga perlu dijalankan ia boleh mengancam dan menjadikan hidupan marin," katanya.

## Taman Laut di Malaysia

Sebanyak 42 kawasan diwartakan sebagai Taman Laut iaitu:

**Terengganu:** Pulau Susu Dara, Pulau Perhentian Kecil, Pulau Perhentian Besar, Pulau Lang Tengah, Pulau Redang, Pulau Lima, Pulau Ekor Tebu, Pulau Pinang, Pulau Yu Besar, Pulau Yu Kecil, Pulau Kapas, Pulau Nyireh dan Pulau Tenggol.

**Pahang:** Pulau Tioman, Pulau Labas, Pulau Sepoi, Pulau Jahat atau Pulau Gut, Pulau Tokong Bara, Pulau Ceber, Pulau Tulai, Pulau Sembilang dan Pulau Seri Buat

**Johor:** Pulau Rawa, Pulau Babi Hujong, Pulau Babi Tengah, Pulau Babi Besar, Pulau Tinggi, Pulau Aur, Pulau Pemanggil, Pulau Harimau, Pulau Goal, Pulau Mensirip, Pulau Sibu, Pulau Sibu Hujung dan Pulau Mentinggi

**Kedah:** Pulau Kaca, Pulau Lembu, Pulau Payar dan Pulau Segantang

**Labuan:** Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil

## Taman Laut Pulau Tioman

PULAU Tioman merupakan pulau terbesar dalam gugusan pulau yang membentuk Taman Laut Pulau Tioman.

Gugusan pulau ini dan perairannya diwartakan pada 1994 di bawah Akta Perikanan 1985 (Pindaan 1993).

Terdapat lebih 500 spesies hidupan marin di sini antaranya kerang gergasi atau kima (*Tridacna* sp) yang diancam kepupusan



Mohd Sallehuddin turut menyertai pertandingan masakan kategori VIP bersama barisan juri.



Acara sukaneka turut diadakan bagi memeriahkan majlis.



Mohd Sallehuddin bergambar bersama kanak-kanak selepas majlis penyampaian hadiah acara sukaneka.



Mohd Sallehuddin mendengar taklimat pertandingan memasak yang turut diadakan pada program itu.